

'Diguna dapatkan idea bangun negara'

BH-13/2/2019 m/s: 3

→ Majlis turut beri peluang orang ramai kemuka pendapat: Dr Mahathir

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@nstp.com.my

✦ **Putrajaya**

Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan cadangan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi sudah dirancang tahun lalu, namun tidak dapat dilaksanakan pada masa itu berikutan kekangan masa.

Perdana Menteri berkata, kini kerajaan sudah bersedia untuk menggerakkan majlis itu dan ia akan diguna untuk mendapatkan idea bagi membangunkan ekonomi negara.

"Ketika saya menjawat jawatan Perdana Menteri sebelum ini, saya juga menubuhkan majlis yang sama dan ia tidak dilakukan secara tergesa-gesa. Ketika itu, Kabinet saya memberi sepenuh kerjasama dalam penubuhan majlis itu dan ia dianggap berjaya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, Majlis Tindakan Ekonomi ditubuhkan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk

mengemukakan idea dan pendapat, bukannya ahli majlis berkenaan mengumpul idea sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata, walaupun barisan Kabinet dan anggota kerajaan terdiri daripada cerdik pandai, namun ada kalanya perlu mendapatkan pandangan dan idea daripada orang ramai.

"Adalah penting untuk kerajaan mendengar pendapat daripada orang luar," katanya.

Fokus selesai masalah hutang
Katanya, Majlis Tindakan Ekonomi akan memberi fokus kepada penyelesaian masalah ekonomi terlebih dahulu berikutan kerajaan sekarang terpaksa berdepan masalah hutang dibuat oleh pentadbiran terdahulu.

Kelmarin, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan pelantikan 16 ahli bagi menganggotai Majlis Tindakan Ekonomi dengan Dr Mahathir sebagai pengerusi.

Mereka yang dilantik adalah Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Azmin Ali; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Darell Leiking dan Menteri Kerja Raya, Baru Bian.

Selain itu, Penasihat Ekonomi Perdana Menteri, Dr Muhammed Abdul Khalid; bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz dan Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB) Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Anggota lain adalah Ahli Majlis Penasihat Kerajaan (CEP), Prof Dr Jomo Kwame Sundaram; Pengarah Urusan Public Bank, Tan Sri Tay Ah

Lek; Pengerusi MARA, Dr Hasnita Hashim serta Pengerusi Bursa Malaysia, Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen.

Yang turut dilantik, Pengerusi Asean Business Advisory Council Malaysia, Tan Sri Dr Mohd Mumir Abdul Majid; Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Dr Paul Selvaraj; Peguam, Bah Tony @ Amani William Hunt Abdullah dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Nizam Mahshar.



Keratan akhbar
BH, semalam.